

26 SEP 2001

RAFIDAH-EKSPORT

MALAYSIA AKAN CUBA PERTAHAN EKSPORT NEGARA, KHUSUSNYA KE AMERIKA

KUALA LUMPUR, 26 Sept (Bernama) -- Kerajaan Malaysia akan berusaha untuk mempertahankan jumlah eksport yang sedia ada terutamanya ke Amerika Syarikat, selain mempergiatkan usaha-usaha menerokai pasaran baru.

Meskipun dalam kelembapan ekonomi dunia, kerajaan tidak akan mengurangkan jumlah eksport yang sedia ada ke Amerika, malah akan mempelbagaikan ruang eksport ke negara itu dengan terus menerokai pasaran-pasaran baru di sana, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz.

"Kita akan terus juga mengeksport ke Amerika dan tidak akan mengurangkannya kerana tidak mahu kehilangan tapak yang sedia ada tetapi kita akan mempelbagaikan ruang eksport di sana," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan Menteri Industri Nigeria Kola Jamodu di pejabatnya di sini hari ini.

Rafidah berkata, pada masa lepas pasaran eksport Malaysia ke Amerika tidak menyeluruh kerana masih banyak kawasan di negara itu yang belum diterokai sepenuhnya kerana terlalu memberi tumpuan kepada kawasan timur dan barat negara itu.

Sehubungan itu, katanya, usaha-usaha sedang dijalankan untuk mencari peluang-peluang baru di kawasan tengah AS yang masih belum di terokai untuk penjualan barangan daripada Malaysia.

Malaysia turut meneliti potensi untuk menggandakan eksport ke negara-negara Asean yang kini menyumbang lebih 25 peratus daripada eksport negara.

"Dengan lebih 500 juta pengguna di seluruh Asean, kita mempunyai potensi untuk meningkatkan eksport ini di dalam Asean sendiri," katanya.

Sementara itu, Rafidah memberitahu, beliau akan mengetuai satu rombongan perdagangan Shanghai dan Beijing, di China, bagi mencari pasaran eksport baru.

Selain itu, usaha-usaha juga sedang dijalankan untuk mencari peluang baru di Eropah seperti di negara-negara kecil di rantau itu dan juga negara-negara Eropah Timur yang mempunyai kemampuan mencerap sebahagian daripada eksport Malaysia.

Katanya perluasan eksport ini perlu dilakukan kerana permintaan terkini daripada Amerika dijangka akan menurun kesan kegawatan ekonominya dan kesan serangan penganas pada 11 Sept lepas.

Katanya eksport barangan keluaran Malaysia seperti pengeluaran komponen cip teknologi maklumat (IT) dan peralatan elektronik juga dijangka menghadapi masalah kerana kurangnya permintaan daripada syarikat-syarikat elektronik di Amerika berikutan kekurangan permintaan terhadap barangan pengguna di negara itu.

Sementara itu, Rafidah menjelaskan, bahawa pakej baru berjumlah RM4.3 bilion untuk merangsang ekonomi yang diumumkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam adalah merupakan antara langkah awal yang dilakukan oleh kerajaan untuk mengurangkan kesan akibat kegawatan ekonomi Amerika.

Katanya kerajaan sedar kegawatan ekonomi Amerika pasti tiba, dan sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, langkah awal perlu diambil yang sekurang-kurangnya dapat menampung sebahagian daripada kesan tersebut.

Kerajaan tidak akan berdiam diri atau hanya menunggu sehingga kesan itu datang dan menimpa negara tanpa berbuat apa-apa, katanya.

Rafidah berkata pakej tersebut adalah untuk menggerakkan pertumbuhan

ekonomi terutama di suku akhir tahun ini dan merencanakan perkembangan ekonomi negara.

"Semua negara mempunyai cara masing-masing dan kita tidak mampu untuk menunggu dan menganalisa kesan yang bakal berlaku (berikutan kegawatan ekonomi) dengan terlalu lama kerana kita tahu impaknya pasti datang," katanya.

Rafidah juga menyeru semua pihak yang menerima sumber kewangan menerusi pakej tersebut supaya melaksanakan perbelanjaan secepat mungkin, tanpa kerana birokrasi. -- BERNAMA

WNZ JR